



AHMAD SHABERY CHEEK (tengah) dan Irmohizam Ibrahim (kiri) mendengar penerangan daripada Pengurus Tam Agro Farm Enterprise, Mohd. Tamizi Abd. Rahman mengenai tanaman cendawan sempena Hari Peladang, Penternak & Nelayan Peringkat Negeri Selangor di Kuala Selangor, semalam. - MINGGUAN/IZHAM JAAFAR

Input ternakan seperti makanan, benih, ubat-ubatan UTUSAN  
30/8/15

## Cadang kecualikan GST

Oleh ABDUL YAZID ALIAS  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA SELANGOR 29 OGOS

**K**EMENTERIAN Pertanian dan Industri Asas Tani akan mengadakan perbincangan lanjut bagi menentukan sama ada input ternakan seperti makanan, benih dan ubat-ubatan yang ditanggung oleh para penternak ketika ini perlu dikecualikan daripada cukai barang dan perkhidmatan (GST).

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, perbincangan itu akan diadakan di peringkat kementerian dan seterusnya ke Kabinet selepas pihaknya menerima memorandum pemansuhan GST ke atas pembelian input-input tersebut yang didakwa meningkatkan kos golongan penternak di Selangor serta negeri-negeri lain di seluruh negara.

“Saya akan membawa perkara itu...saya telah menerima memorandum daripada wakil penternak di Selangor mengenai pemansuhan cukai tersebut dan kita akan adakan perbincangan lanjut mengenainya,”

katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Selangor 2015, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Irmohizam Ibrahim.

Terdahulu, Ahmad Shabery sebelum merasmikan sambutan berkenaan mengadakan lawatan ke syarikat penternakan ruminan dan unggas, MJ Fatonah Sdn. Bhd. di Bestari Jaya di sini selain turut menerima memorandum tersebut daripada Pengarah Urusan syarikat itu, Siti Fatonah Arbain yang mewakili para penternak di Selangor.

Pada masa sama, Ahmad Shabery menyifatkan tuntutan pemansuhan GST ke atas input ternakan itu dilihat mempunyai asas tersendiri memandangkan ketika ini hasil penternakan seperti ayam dan daging yang dijual kepada rakyat adalah dikecualikan daripada GST.

Dalam perkembangan lain, beliau turut menyatakan kerajaan turut memberi fokus kepada usaha untuk meningkatkan lebih banyak eksport produk-produk berasaskan

pertanian bagi menstabilkanimbangan dagangan di negara ini menerusi pelaksanaan Dasar Agro Makanan Negara dalam tempoh 2011 hingga 2020.

Usaha itu katanya, dilihat mampu memberi kesan positif kepada kedudukan kewangan negara khususnya dalam meningkatkan kadar tukaran mata wang negara dalam sektor berkenaan.

“Selain dasar tersebut untuk memastikan bekalan makanan dalam negara mencukupi, kerajaan juga berusaha untuk meningkatkan eksport hasil pertanian ke negara-negara luar.

“Untuk tujuan ini, kita tumpukan kepada penghasilan produk-produk pertanian yang berkualiti untuk pasaran luar. Pada masa sama produk berkualiti itu boleh menjadi pengganti import makanan dalam negara.

“Tanpa eksport, kita tidak dapat pulangan dari segiimbangan dagangan yang selama ini hanya bergantung kepada minyak, komoditi yang memberi kesan mendalam kepada mata wang negara,” ujarnya.